

## Karnival Kebudayaan MADA 2019 (16 Mac 2019)

Karnival Kebudayaan MADA 2019 Anjuran Kelab Kebudayaan, Kebajikan & Sukan MADA bertempat di Ibu Pejabat MADA telah diadakan bertujuan untuk mengeratkan silaturahim serta memupuk semangat kerjasama di kalangan warga kerja MADA. Keterlibatan warga kakitangan secara aktif dalam aktiviti fizikal serta saranan mengamalkan gaya hidup yang sihat agar dapat menjadi contoh terbaik dalam kalangan masyarakat.



Dalam pada masa yang sama ia merupakan inisiatif diambil untuk menarik minat dan membuka peluang kepada kakitangan yang berminat untuk menyertai kelab-kelab di MADA. Sehubungan itu, Pengurus Besar MADA, Dato' Fouzi Bin Ali berkata, pelbagai program kecergasan dianjurkan diperingkat MADA bagi memastikan warganya sentiasa aktif dan sihat. Katanya lagi, "saya amat menggalakkan warga MADA untuk bergiat aktif dalam aktiviti fizikal supaya hidup mereka lebih sihat dan seterusnya akan menyumbang kepada minda yang cerdas.



"Kita mesti menjadi contoh teladan yang baik kepada semua pihak di mana kita perlu menjadikan aktiviti kecergasan sebagai aktiviti utama agar kekal sihat," katanya sewaktu merasmikan penutupan program.

"Penglibatan warga MADA dari pelbagai lapisan jawatan dalam aktiviti seperti ini juga dapat membentuk jalinan komunikasi yang mesra dan mengeratkan hubungan dalam kalangan kakitangan," katanya.

